



Selamat Datang Ke Laman Portal

Universiti Putra Malaysia



AKADEMIK (/akademik-15) PENYELIDIKAN (/penyelidikan-3) JARINGAN (/jaringan-16) ANTARABANGSA (/antarabangsa-2) PERKHIDMATAN (/perkhidmatan-19) KEHIDUPAN KAMPUS (/kehidupan_kampus-18) PUTRA BAKTI (/putrabakti)

🏠 (/) » BERITA (/BERITA) » Sentuhan ajaib jururawat

Senarai Berita (/berita)

Sentuhan ajaib jururawat

Oleh: Nurul Ezzaty Mohd Azhari
Foto: Mohammad Izrul Abdul Jabar



SERDANG, 16 Jun - Jururawat merupakan antara insan yang menjadi tunjang utama sektor perubatan dan kesihatan yang sentiasa membantu seorang doktor merawat pesakit-pesakitnya.

Seorang jururawat mempunyai sentuhan ajaib dalam merawat pesakit dan menyerlahkan kepentingan hubungan antara manusia dan amalan kejururawatan.

Ketua Jabatan Kejururawatan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) UPM, Prof. Dr. Soh Kim Lam berkata kajian telah menunjukkan bahawa sentuhan boleh memberi kesan positif kepada kesejahteraan fizikal dan emosi pesakit, mengurangkan kesakitan, kebimbangan dan kemurungan.

"Apabila jururawat menggunakan sentuhan dengan penuh kasih sayang, mereka menyediakan sentuhan fizikal dengan pesakit bahkan boleh membantu membina kepercayaan yang memberikan rasa selesa dan selamat kepada pesakit.

Entiti Kami

LIHAT JUGA



Universiti Putra Mala
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsar
☎ +603-9769 1000
☎ +603-9769 1000
📠 ---
@ pspk@upm.edu.



Entiti Kami

Dokumen

Newsletter

Tetapan

"Tindakan memberikan sentuhan ajaib ini berpotensi untuk memberikan sokongan emosi bukan sahaja kepada pesakit tetapi juga kepada keluarga mereka," katanya dalam syarahan inauguralnya hari ini di Dewan Kuliah Utama FPSK UPM.

Tambahnya lagi, perjalanan seorang pesakit di rumah sakit menimbulkan pelbagai emosi, seperti ketakutan, kebimbangan, dan kesedihan, termasuklah keresahan buat pesakit dan orang tersayang.

Katanya, keinginan menjadi seorang jururawat mestilah datang dari hati yang ingin menolong masyarakat khususnya kerana jururawat menjadi jambatan yang menghubungkan manusia dengan manusia demi kebaikan pesakit.

"Dalam kejururawatan dan penjagaan kesihatan, sentuhan ajaib ini boleh berlaku dalam pelbagai bentuk. Ia mungkin melibatkan memegang tangan pesakit, memberikan sentuhan lembut semasa prosedur, atau hanya duduk dengan pesakit dan menawarkan kehadiran penuh belas kasihan agar pesakit tidak risau dan takut.

"Apa yang paling penting ialah niat di sebalik sentuhan itu adalah untuk menyampaikan perhatian dan sokongan," jelasnya.

Tegasnya, sentuhan ajaib seorang jururawat mampu menggalakkan penyembuhan dalam penjagaan kesihatan kerana seorang jururawat perlu memberikan keselesaan, menunjukkan belas kasihan dan seorang yang penyayang tanpa sebarang preskripsi. -UPM

Tarikh Input: 19/06/2023 | Kemaskini: 19/06/2023 | hairul_nizam

PERKONGSIAN MEDIA

(https://www.addtoany.com/share?url=https%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fsentuhan_ajab_jururawat-73508&title=Sentuhan%20Ajaib%20Jururawat%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)
 (/#facebook) (/#twitter) (/#linkedin) (/#email) (/#copy_link) (/#wordpress) (/#print)

HUBUNGI KAMI

Universiti Putra Malaysia
 43400 UPM
 Serdang
 Selangor Darul Ehsan
 MALAYSIA

+603-9769 1000



spk@upm.edu.my

TALIAN KECEMASAN
 BAHAGIAN KESELAMATAN UPM (24 JAM)
 03-9769 7990 | 03-9769 7470 | 03-9769 1999

PERKHIDMATAN DALAM TALIAN

- Sistem Permohonan ke Luar Negara (<http://bursar1.upm.edu.my/splr/>)
- Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) (<http://www.sisman.upm.edu.my/>)
- KM Portal (<http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home>)
- Jawatan Kosong (<http://spj.upm.edu.my/>)
- Sistem Baik Pulih ICT (<http://zonict.upm.edu.my/>)
- Putra Learning Hub (<http://learninghub.upm.edu.my/>)
- Sistem Pengurusan Perubatan (<http://regmedic.upm.edu.my/>)
- Sistem E-Claim (<http://eclaims.upm.edu.my/login/>)
- i-GIMS (staf) (<http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp>)
- i-GIMS (pelajar pascasiswazah) (<http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/>)
- Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah) (<http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup>)

PAUTAN LUAR

- Kementerian Pendidikan Malaysia (<https://www.moe.gov.my/>)
- Keluarga Malaysia (<https://keluargamalaysia.gov.my/>)
- Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (<http://www.ptptn.gov.my/>)
- Multimedia Super Corridor (<https://mdec.my/msc-malaysia/>)
- Portal myGovernment (<https://www.malaysia.gov.my/>)
- Agensi Kelayakan Malaysia (<https://www.mqa.gov.my/>)
- UPM Holdings Sdn. Bhd. (<https://www.upmholdings.com.my/>)

PAUTAN PANTAS

- FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (entiti)**
- Statistik Transaksi Laman Web (<http://www.upm.edu>)
- Tender & Kontrak (<http://etender.upm.edu.my/>)
- Dasar UPM (<http://www.pnc.upm.edu.my/mengenai>)
- Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu.my/spk_Dana)
- Wakaf Ilmu (<http://www.wazon.upm.edu.my>)
- Penerbitan UPM (<http://www.upm.edu.my/kandungcn>)
- UPM Flywire (<https://landing-pages.flywire.com/land>)
- Takwim UPM 2023 (<https://pspk.upm.edu.my/upload/dokumen/2022122>)

Dasar Privasi (/footnote/dasar_privasi-29949)
Hakcipta (/footnote/hakcipta-29950) RSS (/rss)
Penafian (/footnote/penafian-29938)
Bantuan (/footnote/bantuan-29937)
UPM online (/footnote/upm_online-38695)
Dasar Keselamatan (/footnote/dasar_keselamatan-29939)

© 2023 Universiti Putra Malaysia



LANGGAN MELALUI EMAIL

HANTAR

Entiti Kami

Dokumen

Newsletter



Tetapan